



Selamat Datang Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia



(https://50tahun.upm.edu.my)

BM

AKADEMIK (/akademik-15) PENYELIDIKAN (/penyelidikan-3) JARINGAN (/jaringan-16) ANTARABANGSA (/antarabangsa-2) PERKHIDMATAN (/perkhidmatan-19) KEHIDUPAN KAMPUS (/kehidupan_kampus-18) PUTRA BAKTI (/putrabakti)

🏠 (/) » BERITA (/BERITA) » Klinik Veterinar Bergerak: Misi Kecemasan dan Perubatan Haiwan Terkesan Banjir di Taman Sri Nanding, Hulu Langat, Selangor

Senarai Berita (/berita)

Klinik Veterinar Bergerak: Misi Kecemasan dan Perubatan Haiwan Terkesan Banjir di Taman Sri Nanding, Hulu Langat, Selangor

Oleh: Noor Ezzeeren Jufri
Foto oleh: Saleha Haron



HULU LANGAT, 1 Jan - Fakulti Perubatan Veterinar (FPV), Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Persatuan Perubatan Veterinar Malaysia (MAVMA) dengan kerjasama Persatuan Doktor Veterinar Haiwan Kesayangan Malaysia (MSAVA) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor bekerjasama dalam menjalankan Klinik Veterinar Bergerak: Misi Kecemasan dan Perubatan Haiwan Terkesan Banjir di Taman Sri Nanding, Hulu Langat, Selangor.

Misi selama dua hari telah bermula pada 1 Januari hingga 2 Januari 2022 (Sabtu dan Ahad) yang beroperasi pada jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang bertempat di hadapan Petronas Bukit Nanding, Hulu Langat, Selangor.

Sebelum ini, Klinik Veterinar Bergerak itu telah ke Taman Sri Muda, Shah Alam pada 21 hingga 27 Disember 2021.

Timbalan Dekan, Hospital Veterinar Universiti (UVH), Prof. Dr. Jalila Abu berkata usaha itu dapat membantu haiwan-haiwan mendapat perhatian serta menerima rawatan veterinar supaya sihat dan terbelak.



"Dalam keadaan bencana banjir haiwan seperti kucing termasuk sepsis lain mesti terkesan dan selepas pasca banjir ini kita mendapat maklumat terdapat haiwan yang terkesan serta mengambil masa untuk pulih."

"Pihak kami akan menganalisis dari segi psikologi haiwan dan kita membantu di hospital veterinar kami untuk fasiliti jika diperlukan perkhidmatan seperti konsultasi untuk kes-kes yang kronik," katanya.

Tambah beliau program itu secara langsung dapat melatih para pelajar Fakulti Perubatan Veterinar (FPV), UPM untuk mendapatkan pengalaman serta pembelajaran sepanjang hayat untuk kegunaan mereka apabila bergraduasi kelak.

LIHAT JUGA



Pasukan Salvus UPM juara Pertandingan 'Shell Varsity Challenge 2021' (/berita/pasukan_salvus_upm_juara_pertandingan_shell_varisty_challenge_2021-65581)



Ceramah Pasca siswazah FEM - Strategi untuk penerbitan dalam Jurnal Berimpak Tinggi (/berita/ceramah_pasca_siswazah_fem_strategi_untuk_penerbitan_dalam_jurnal_berimpak_tinggi-65579)



Jabatan Fizik UPM Hargai Kecemerlangan Pelajar Meskipun Secara Maya. (/berita/jabatan_fizik_upm_hargai_kecemerlangan_pelajar_meskipun_secara_maya-65578)



Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
☎ +603-9769 1000
✉ pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)



"Kita mahu memupuk semangat sukarelawan para pelajar dan juga doktor veterinar untuk meneruskan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) agar kita dapat membantu mereka yang memerlukan perkhidmatan sebegini di masa akan datang," katanya.

Selain itu, cetusan idea Klinik Veterinar Bergerak itu diketuai oleh Dr. Farina Mustaffa Kamal dan Prof. Madya Dr. Nurul Hayah Khairuddin dari FPV, UPM.

Perkhidmatan rawatan haiwan ini adalah percuma serta disokong oleh doktor veterinar dari pelbagai agensi dan klinik. Orang awam boleh membawa mana-mana haiwan milik sendiri atau haiwan terbiar yang terkesan dengan musibah banjir ke klinik veterinar bergerak ini.

Selain itu, haiwan seperti kucing dan anjing termasuk spesies haiwan yang lain akan diperiksa dan akan diberi rawatan (first line treatment) oleh Doktor Veterinar berlesen.

Selain daripada pasukan veterinar berpusat yang ditempatkan di lokasi ini, beberapa pasukan veterinar akan bergerak dari rumah ke rumah yang turut disokong oleh sukarelawan dari Society for The Prevention of Cruelty to Animals (SPCA Selangor), Persatuan Penyelamat Anjing Terbiar Hulu Langat (PATH) dan Persatuan Haiwan Terbiar Malaysia (SAFM).

Sumbangan makanan haiwan dan keperluan peralatan perubatan adalah disumbangkan dari pelbagai agensi dan syarikat seperti Yayasan Hasanah, Rhone Ma, KM Vet Pharm, Hill's, Hospital Veterinar Universiti (UPM), klinik veterinar swasta dan lain-lain rakan kerjasama.

Selain itu, UPM turut mempunyai Tabung Kebajikan Haiwan UPM adalah inisiatif oleh UVH, FPV, UPM dan Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowment (WAZAN), UPM bertujuan untuk menjaga kebajikan serta membayar kos perubatan haiwan yang memerlukan. Sumbangan ke Tabung Kebajikan Haiwan UPM adalah di pautan <https://bit.ly/UPMAnimalwelfarefund> - UPM

Tarikh Input: 31/01/2022 | Kemaskini: 31/01/2022 | [hairul_nizam](#)

PERKONGSIAN MEDIA

(<https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F>

%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fklinik_veterinar_bergerak_misi_kecemasan_dan_perubatan_haiwan_terkesan_banjir_di_taman_sri_nanding_hulu_langat_selangor-65193&title=Klinik%20Veterinar%20Bergerak%3A%20Misi%20Kecemasan%20Dan%20Perubatan%20Haiwan%20Terkesan%20Banjir%20Di%20Taman%20Sri%20Nanding%2C%20Hulu%20Langat%2C%20Selangor%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia) (/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

☎ +603-9769 1000
✉ ---
✉ pspk@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 |
03-9769 1995

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN


Sistem Permohonan ke Luar Negara
(<http://bursar1.upm.edu.my/spln/>)
Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN)
(<http://www.sisman.upm.edu.my/>)
KM Portal (<http://km.upm.edu.my/kportalweb/portal/render.action?method=home>)
Jawatan Kosong (<http://sjp.upm.edu.my/>)
Sistem Bilik Pulin ICT (<https://zonict.upm.edu.my/>)
Putra Learning Hub (<http://learninghub.upm.edu.my/>)
Sistem Pengurusan Perubatan
(<http://regmedic.upm.edu.my/>)
Sistem E-Claim (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)
Sistem E-Staff (<http://www.sps.upm.edu.my/8080/igims/index.jsp>)
i-GIM5 (pelajar pascasiswazah)
(<http://sgportal.upm.edu.my/8080/sgsportal/>)
Sistem Maklumat Pelajar (pelajar pascasiswazah)
(<http://smp.upm.edu.my/smpaction/Security/loginSmpSetup>)

PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia
(<https://www.moe.gov.my/>)
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
(<http://www.ptptn.gov.my/>)
Multimedia Super Corridor (<https://mdc.mylsc-malaysia/>)
Portal myGovernment (<https://www.malaysia.gov.my/>)
Agensi Kelayakan Malaysia (<https://www.mqa.gov.my/>)

PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTI / PENTADBIRAN (/entiti)
Statistik Transaksi Laman Web (<http://www.upm.edu.my/statistik>)
Tender & Kontrak (<http://etender.upm.edu.my/>)
Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenal_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202)
Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenal_kami/dasar_universiti-5601)
Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)
Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wazan.upm.edu.my/>)
Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)
Takwim UPM 2021 (https://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20210421082600TAKWIM_UPM_2021_20.1.2021.pdf)
UPM Flywire (<http://landing-pages.flywire.com/landing/upm>)



Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937)
UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

LANGGAN MELALUI EMAIL

© 2022 Universiti Putra Malaysia

